

[\(https://news.usm.my\)](https://news.usm.my)

Berita Mutakhir ▾

# 05 JUN MYROC 2015 ASAHL KREATIVITI KANAK-KANAK KEPADA ROBOTIK



NIBONG TEBAL, 4 Jun 2015 - Malaysia Youth Robotics Competition 2015 (MYROC 2015) Northern Region yang dianjurkan oleh para pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraam melalui Robotic Club dan Syarikat My-Robot di sini berjaya mencungkil bakat dan kreativiti kanak-kanak di samping mendidik mereka dalam ilmu yang berkaitan robotik.

Penyelaras projek Ong Chon How berkata, pertandingan ini merangkumi lima permainan iaitu Fishing Mania, Racing Car, Sumo Robot, Robot Colour Volleyball dan Rescue Robot bertujuan menguji tahap pembelajaran pelajar program My-Robot dan memberi peluang kepada mereka menunjukkan kreativiti dan penguasaan ilmu robotik.



Ini merupakan kali pertama MyRobot Northern Region menganjurkan pertandingan seumpamanya di sini.

Katanya lagi pertandingan tersebut perlu diteruskan pada masa depan dalam melahirkan bakat-bakat baru dalam dunia robotik.

Pengerusi Robotic Club USM Tan Yu Bin berkata, pihaknya telah memberi tumpuan dan usaha sepenuhnya dalam menjayakan pertandingan ini dan berpuas hati melihat kejayaan program yang julung-julung kali diadakan ini dengan penglibatan lebih 150 peserta berumur 7 hingga 15 tahun dalam kelima-lima acara yang dipertandingkan.



Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik USM Profesor Dr. Zaidi Mohd Ripin ketika merasmikan acara ini berkata penganjuran program tersebut amat menakjubkan dan memperlihatkan perkembangan yang baik terhadap kanak-kanak dalam acara yang dipertandingkan.

"Ini merupakan perkembangan yang baik dan menggembirakan melihat kanak-kanak ini telah mendapat pendedahan awal dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti My-Robotic," kata Zaidi.



Ibu bapa yang hadir memberi sokongan kepada aktiviti ini berpendapat, ini adalah usaha yang baik kerana memberi peluang untuk kanak-kanak mempelajari dan merasai pengalaman sebenar menyertai pertandingan robotik.Teks: Mohd Kamil Ashar / Foto: Bani Faidzzainami Baniyamin



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015